

05 APRIL 2018

Malaysia tahan 452 keldai dadah sejak 2010

BH Khamis, 5 April 2018

Malaysia tahan 452 keldai dadah sejak 2010

➔ Bilangan menurun selepas operasi berterusan di lapangan terbang

Oleh Teoh Pei Ying
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 452 keldai dadah ditahan di pintu masuk Malaysia bagi tempoh antara 2010 hingga 2017.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Kang Chez Ching, berkata angka berkenaan menurun secara drastik selepas operasi berterusan dijalankan polis di lapangan terbang.

"Tahun lalu saja, polis berjaya menahan sembilan keldai dadah di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Pulau Pinang, Lapangan Terbang Sandakan, Lapangan Terbang Senai dan Lapangan Terbang Langkawi.

"Pada 2016, 13 individu berjaya ditahan; lapan (2015); 44 (2014); 28 (2013); 61 (2012); 119 (2011) dan 170 (2010)," katanya kepada *New Straits Times Press* (NSTP) pada wawancara khas sempena Hari Polis Ke-211, baru-baru ini.

Wanita mudah ditipu jadi keldai dadah

Mengulas mengenai mengapa rakyat Malaysia, khususnya wanita mudah ditipu sebagai keldai dadah, beliau berkata, mereka selalunya terpengaruh dengan rakan atau 'teman lelaki' masing-masing.

"Biasanya, warga Nigeria adalah penyebabnya. Mereka bu-

kan sahaja berpusat di Malaysia, tetapi juga boleh di Bangkok, Guang Zhou, China, Hong Kong, Filipina, Indonesia dan bahagian lain di dunia.

"Mereka datang dengan menggunakan pas pelajar atau visa perniagaan, tetapi peranan utama adalah untuk berkawan dengan rakyat Malaysia, dengan niat supaya 'rakan' atau 'teman wanita' mereka boleh direkrut untuk dihantar ke negara-negara seperti Afrika, Amerika Latin dan Eropah untuk mengembalikannya beg mengandungi ubat-ubatan," katanya.

Kang berkata, kebiasaannya mereka ini menabur pelbagai janji manis, malah ada daripada mereka mengahwini wanita tempatan.

"Apabila sudah menjadi isteri, mereka akan diminta bertindak sebagai keldai dadah.

"Selepas percubaan pertama berjaya, mereka akan 'merekrut' kawan sendiri untuk menjadi keldai dadah.

"Kumpulan ini menawarkan perjalanan dan penginapan percuma serta wang saku, dan sebagai balasan mereka akan meminta individu berkenaan untuk membawa balik beg (yang dipercayai membawa dadah)," katanya.

Tawaran lumayan

Beliau berkata, selain ditipu, rakyat Malaysia juga sanggup menjadi keldai dadah kerana tawaran yang lumayan.

"Baru-baru ini seorang rakyat Malaysia ditangkap di Bali apabila pihak berkuasa Indonesia menemui dadah di rektumnya (dubur).

"Dia melancong dari Bangkok ke Bali dengan beberapa orang dari Indonesia, jumlah dadah yang dibawa kurang daripada 100g.

"Kita percaya dadah berkenaan untuk pasaran Bali. Dadah berkenaan dijual mengikut gram, satu gram berharga ratusan ringgit," katanya.